

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة الوطنية للتعليم
سليمان إدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 3: 19 Januari 2026


5,500 hadir konsert amal M. Nasir di UPSI

Tg Malim, 17 Januari - Alunan gendang, muzik serta sorakan peminat mengisi ruang Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) apabila lebih 5,500 penonton berhimpun menyaksikan Konsert Amal Gendang Pati Datuk Dr M. Nasir, malam tadi. Konsert yang sarat elemen nostalgia dan pembaharuan itu, bukan sekadar mengubat rindu peminat terhadap karya legenda muzik negara, malah membawa penonton menyelami perjalanan seni M. Nasir yang telah membentuk landskap muzik tempatan selama lebih empat dekad. Menampilkan 19 lagu ikonik yang dipersembahkan hampir dua jam, konsert berkonsepkan instrumen gendang itu disuntik nafas baharu menerusi susunan muzik kontemporari, gabungan pemuzik profesional dan mahasiswa muzik UPSI, sekali gus memperlihatkan pertembungan harmoni antara dunia akademik dan industri seni.

Antara karya yang mengundang sorakan gemuruh ialah Pawana, Phoenix Bangkit, Tanya Sama Itu Hud-Hud, Langgam Pak Dogo, Melawan Arus dan Kias Fansuri, selain deretan lagu popular seperti Sentuhan Listrikmu, Rajawali Terbang Tinggi dan Yang Bertakhta Akhirnya yang dinyanyikan bersama penonton. Lebih istimewa lagi Gendang Pati UPSI ini menjadi medan pembelajaran langsung buat mahasiswa Fakulti Muzik dan Seni Persembahan (FMSP), yang terlibat secara aktif di pentas dan belakang tabir, merangkumi aspek persembahan vokal, muzik, pergendangan, tarian serta pengurusan produksi. Naib Canselor UPSI Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata konsert itu juga, membawa misi kebajikan apabila hasil kutipannya disalurkan kepada wakaf pendidikan dan biasiswa pelajar muzik universiti berkenaan. "Wakaf itu bertujuan membantu pelajar muzik berbakat meneruskan pengajian, dengan kutipan kasar konsert dianggarkan sekitar RM500,000 dan kira-kira RM300,000 dijangka dimasukkan ke dalam tabung berkenaan. "Dana itu kelak akan digunakan sebaik mungkin khususnya bagi menyokong pembangunan bakat seni di FMSP universiti ini," katanya. Beliau berkata pemilihan seniman itu sebagai artis utama kerana keunggulan dan pengaruh beliau dalam dunia muzik tanah air, selain karya-karyanya yang sarat

dengan nilai kemanusiaan, ketuhanan, kehidupan serta pengangkatan budaya dan jati diri bangsa. "Datuk M. Nasir ialah seorang genius muzik. Lagu-lagu beliau penuh dengan makna, mengangkat budaya dan maruah bangsa.

"Sebab itulah kita memilih beliau untuk menayakan konsert amal ini, selari dengan roh UPSI sebagai institusi perjuangan pendidikan Nusantara kerana UPSI, tempat bermulanya perjuangan kependidikan dan kemerdekaan," katanya. Md Amin berkata konsert berkenaan turut menjadi platform kerjasama industri dan universiti apabila M. Nasir menyatakan hasrat melibatkan pelajar UPSI dalam konsert akan datang, sekali gus memberi pendedahan industri kepada pelajar FMSP. "Inilah yang dimaksudkan bahawa industri dan universiti bergerak seiring. Dalam industri muzik, pendedahan seperti ini sangat penting. Pelajar-pelajar kita diberi peluang berganding bahu dengan tokoh-tokoh berpengalaman. "Pelajar yang terlibat terdiri daripada FMSP UPSI, khususnya bakat-bakat terpilih yang sebahagiannya berasal daripada sekolah seni dan sekolah budaya sebelum melanjutkan pengajian di universiti ini," katanya. Md Amin berkata konsert itu dihadiri kira-kira 5,500 penonton termasuk dari Sarawak serta luar negara, selain wakil beberapa kedutaan asing di negara ini. "UPSI sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan pelbagai pihak dalam penganjuran konsert atau program bersama, bukan sahaja dalam bidang muzik, malah melibatkan sukan, kebudayaan, agama dan pembangunan bangsa," katanya.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



www.upsi.edu.my



UPSIMalaysia



upsi_malaysia



upsi_malaysia



UPSI_Malaysia



UPSI Perkukuh Kerjasama Strategik Bersama Bahagian Pendidikan Khas, KPM

Putrajaya, 16 Januari - Jabatan Pendidikan Khas, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) telah mengadakan satu perjumpaan rasmi bersama Dr. Mohd Anuar Abdullah, Pengarah Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sempena pelantikan beliau sebagai Pengarah Baharu mulai 15 Disember 2025.

UPSI diwakili oleh Dekan Fakulti Pembangunan Manusia iaitu Profesor Dr. Abdul Talib Mohamed Hashim, Dr. Noraini Abdullah selaku Ketua Jabatan, Jabatan Pendidikan Khas UPSI dan Pensyarah-pensyarah Jabatan Pendidikan Khas yang turut hadir Dr. Kway Eng Hock, Dr. Kama Shaffeei dan Dr. Ab Halim Sulong. Perjumpaan ini bertujuan adalah bertujuan memperkukuh hubungan antara UPSI dan pihak KPM dalam aspek memperkasakan Pendidikan Khas demi kemenjadian Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) pada masa hadapan.

UPSI perkukuh pendidikan inklusif antarabangsa melalui latihan profesional guru Maldives

Tanjong Malim, 14 Januari - Pusat Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dengan kerjasama Kelab Al-Mursyidin, Rakan Siswa Yadim, Komuniti UPSI dan Rakan Astronomi UPSI telah menganjurkan Ceramah Israk & Mikraj: Perspektif Kemukjizatan Al-Quran serta Pameran Astronomi Aktiviti Cerapan yang bertempat di Masjid Al-Mursyidin, UPSI.

Program ini dianjurkan sempena sambutan Israk dan Mikraj dengan tujuan memberi pendedahan kepada warga UPSI, khususnya para mahasiswa, mengenai peristiwa agung Israk dan Mikraj dari sudut keilmuan falak Islam dan kemukjizatan Al-Quran. Ceramah utama telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Dr. Hj. Mohamad Fahmi Abdul Khir, Ahli Majlis Agama Islam Negeri Perak merangkap Ahli

Di samping itu juga, perbincangan dalam usaha menambahbaik Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) Pendidikan Khas kepada pelajar-pelajar UPSI.

Dalam perjumpaan ini, Mohd Anuar Abdullah memaklumkan pada tahun 2026 dan 2027 berfokus kepada Reformasi Pendidikan Khas yang menekankan memperkasa sistem sokongan Pendidikan Khas terutama kepada guru, murid, infrastruktur dan penglibatan industri serta ibubapa.

Perkara-perkara ini penting bagi tujuan memperkasakan sistem Pendidikan Khas yang berkualiti dan memenuhi keperluan Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK). Melalui sesi pembentangan yang disampaikan oleh Mohd Anuar beberapa inisiatif akan diambil demi memastikan Pendidikan Khas tidak ketinggalan dengan arus perubahan pendidikan dan ledakan teknologi masa kini.

Falak Negeri Perak, yang bertajuk "Perspektif Kemukjizatan Al-Quran". Selain pengisian ceramah, program ini turut diserikan dengan Solat Hajat Perdana Mahasiswa, pameran dan aktiviti cerapan objek angkasa bersama kakitangan Bahagian Falak, Jabatan Mufti Negeri Perak, serta jualan cenderahati oleh Kelab Stargazers UPSI.

Kesemua aktiviti ini telah berlangsung dengan lancar dan mendapat sambutan serta respon yang amat positif daripada para mahasiswa dan warga UPSI. Diharapkan pengajaran program ini dapat menyemai penghayatan rohani, memperkukuh kefahaman dalam bidang falak Islam, serta melahirkan mahasiswa UPSI yang seimbang dari aspek akademik dan sahsiah.



UPSI – Al-Iraqia University meterai MoU, perkukuh kerjasama akademik dan penyelidikan antarabangsa

Tanjong Malim, 15 Januari - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) hari ini memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Al-Iraqia University sebagai langkah strategik memperkukuh kerjasama akademik, penyelidikan serta pembangunan pascasiswazah di peringkat antarabangsa.

Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, pemeteraian MoU tersebut yang melibatkan Fakulti Sains dan Matematik (FSM) adalah selari dengan Pelan Strategik UPSI serta aspirasi BITARA universiti dalam memperluas penglibatan global yang memberi impak langsung kepada komuniti akademik.

"Kerjasama ini dirancang secara strategik bagi menyokong petunjuk prestasi utama (KPI) UPSI, khususnya dalam aspek pengantarabangsaan, penghasilan penyelidikan, mobiliti staf dan pembangunan pascasiswazah," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan di Bilik Seminar FSM, Kampus Sultan Azlan Shah UPSI. Menurut beliau, MoU tersebut membuka peluang pelaksanaan penyelidikan bersama, penerbitan bersama dalam jurnal

berindeks seperti Scopus, permohonan geran penyelidikan padanan serta penyeliaan bersama pelajar pascasiswazah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Beliau turut memaklumkan bahawa kerjasama ini menyediakan peluang mobiliti berstruktur kepada staf akademik UPSI melalui program Profesor Pelawat dan Sarjana Pelawat, sekali gus memperkukuh jaringan penyelidikan, pendedahan antarabangsa dan pengalaman pengajaran di peringkat global.

Dari perspektif pascasiswazah, kerjasama ini turut menyokong pengambilan pelajar antarabangsa ke UPSI, dengan Al-Iraqia University menyatakan komitmen untuk memudah cara pergerakan pelajar, termasuk mendapatkan kelulusan pihak berkuasa berkaitan bagi membolehkan pelajar melanjutkan pengajian pascasiswazah di UPSI.

"Kerjasama ini membuka ruang kepada pertukaran pelajar dan staf, pengajaran persidangan bersama, seminar serta program pemindahan ilmu yang menyumbang kepada penjaan pendapatan, penjenamaan akademik dan penglibatan

antarabangsa yang mampan untuk UPSI," ujar beliau.

Sementara itu, Naib Canselor Al-Iraqia University, Prof. Dr. Khamis Awad Zidan merakamkan penghargaan kepada UPSI atas usaha berterusan sehingga termeterainya MoU tersebut, sambil menyifatkan pengajaran bengkel bersama sebelum ini sebagai bukti keberkesanan kerjasama praktikal antara kedua-dua universiti. "Kejayaan bengkel bersama itu mencerminkan komitmen bersama terhadap kecemerlangan akademik dan menjadi asas kukuh kepada kerjasama yang lebih meluas," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa kedua-dua universiti komited untuk melaksanakan kerjasama berasaskan keperluan sebenar melalui penubuhan jawatankuasa penyelarasan bersama, dialog berterusan serta lawatan akademik secara berkala.

"MoU ini merupakan langkah strategik ke arah memperkukuh kerjasama akademik dan penyelidikan jangka panjang yang berasaskan kepercayaan, profesionalisme dan manfaat bersama," tambah beliau.



Lawatan Pelajar UPSI ke SPRM Perak Perkukuh Nilai Integriti



Sesi Serahan Surat Kenaikan Pangkat Akademik dan Pentadbiran



Peserta Hari Lentera Keluarga Sastera Satukan Mahasiswa Kesusasteraan Melayu UPSI



Sinergi Mahasiswa UPSI Memahat Senyuman di Wajah Anak Yatim Sekendi